



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

PELANTIKAN ENCIK KHUSIRI BIN SALLEH SEBAGAI PENGURUS
TABUNG EKONOMI KUMPULAN USAHA NIAGA (TEKUN) NASIONAL
BAGI NEGERI SARAWAK

KUCHING, 2 Ogos 2020: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini mengumumkan pelantikan Encik Khusiri bin Salleh sebagai Pengurus Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional bagi Negeri Sarawak.

Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, dalam kenyataannya hari ini berkata, Khusiri merupakan seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dan mampu membawa TEKUN Nasional Sarawak ke satu tahap yang cemerlang.

"Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan pengurusan dan ini amat bertepatan dengan tugas baru beliau di TEKUN Nasional Sarawak," katanya lagi.

"Dengan pelantikan ini diharap beliau dapat memperkukuhkan lagi operasi dan perkhidmatan TEKUN di Sarawak seluruhnya. Saya juga berharap beliau mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan lebih berkesan kepada masyarakat peniaga khususnya kepada usahawan PKS dan usahawan Mikro."

"Pelantikan ini adalah berkuatkuasa pada 3 Ogos 2020," katanya lagi.